

# **GHULUW DALAM AKIDAH ISLAM: SATU PENGENALAN RINGKAS**

oleh  
Dr. Johari Mat

## **Abstract**

*Ghuluw has been in man's mind since infinite past. It can arise from man's fanaticism in certain concepts or on his worship of a personality. Islam forbids Ghuluw because it has potential to destroy faith and society. Ghuluw, which is common in the stance towards godship, prophethood and life after death, has its root in ignorance and limited knowledge, selfishness, adherence to false hadiths, influence of previous religions and tyranny. To avoid Ghuluw, Islam should be understood through its genuine sources with guidances of the Sahabah, tabien and al-tabien and the authoritative Imams.*

*Ghuluw* merupakan aliran pemikiran masyarakat manusia sejak dulu sampai sekarang. Corak pemikiran ini bukan saja lahir di kalangan umat Islam, malah ada di dalam agama-agama lain, seperti Yahudi, Nasrani dan sebagainya. Walau bagaimana pun *ghuluw* sering dikaitkan dengan umat Islam dan pemikiran tersebut mudah tersebar di kalangan mereka, sehingga *ghuluw* sering dikaitkan dengan sifat-sifat negatif umat Islam. Sehubungan itu dirasakan perlu diberi gambaran sebenar berhubung pengertian tersebut, khususnya di dalam kontek akidah Islam, agar dapat difahami dengan jelas dan tepat pengertian dan kedudukan *ghuluw* yang sebenar.

*Ghuluw* adalah perkataan Arab, bererti melampaui had sempadan yang dibenarkan. Istilah lain yang sering digunakan untuk menggambarkan *Ghuluw* ialah *Ifrat* dan *Tafrit*, *Al-Tasdid*, *Al-Tanatu'* dan lain-lain. Semua istilah-istilah tersebut digunakan di dalam menggambarkan sikap melampaui dan melebihi had dan sempadan yang dibenarkan. Dengan itu *Ghuluw* memberi erti melampaui had dan terkeluar dari sempadan yang ditetapkan.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, bil. 37, di bawah perkataan (نَعْلَى) *Ghala*, h. 329. Al-Garib al-Asfihani, *Al-Mufradat*, di bawah perkataan, *Ghala* (نَعْلَى) h. 364, 365.

*Ghuluw* telah disebut sebanyak dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah al-Nisa' (ayat: 171), dan dalam surah al-Maidah (ayat: 77) Allah berfirman:

يَأْهَلُ الْكِتَبِ لَا تَقْنُوْا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَعْلُوْا عَلَى اللَّهِ إِلَّا  
عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ ...

*"Wahai ahli kitab janganlah kamu melampaui batas dalam agamamu dan jangan kamu mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar."*

dan firman-Nya lagi:

قُلْ يَأْهَلُ الْكِتَبِ لَا تَقْنُوْا فِي دِينِكُمْ غَيْرُ الْحَقُّ ...

*"Wahai ahli kitab janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas) dengan cara tidak benar dalam agamamu.*

Menurut al-Qurtubi<sup>2</sup> (m. 671), "ayat tersebut menerangkan bahawa Allah (s.w.t) telah menegah dari bersikap melampau. Menurutnya sebahagian 'Ulama tafsir berpendapat orang-orang Yahudi terlampaui menghina 'Isa (a.s), sehingga mereka tergamac menghina Maryam dengan menuduh beliau berzina, manakala orang-orang Kristian pula terlampaui mengangkat kedudukan 'Isa (a.s) sehingga menganggap beliau sebagai Tuhan. Terlampaui membenci dan terlampaui mendewakan seseorang adalah perbuatan buruk dan kufur."<sup>3</sup>

Menurut Ibnu Kathir<sup>4</sup> (774): "Allah melarang ahli-ahli kitab dari melampaui dan mendewa-dewakan seseorang. Larangan ini ditujukan kepada orang Nasrani, yang telah melampaui batas meletakkan Nabi 'Isa sebagai Tuhan yang disembah.<sup>5</sup> Fakhrudin al-Razi pula menyebut di dalam tafsirnya: "Wahai ahli kitab, dari golongan Nasara, janganlah kamu semua melampaui di dalam agama kamu; iaitu jangan kamu terlampaui mengagungkan 'Isa (a.s) sehingga sampai kepada

<sup>2</sup>Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar bin Frah al-Ansari al-Khazraji al-Andalusi salah seorang ahli tafsir terkemuka, ahli fekah terkenal dan kuat beribadah (m. 671 H.). Antara kitab beliau yang terkenal ialah al-Jami'e li ahkam al-Quran, al-Tidhib fi Afdhali al-Awqat, al-Tadhkirah fi al-Mawta al-Akhira. Sila lihat: al-'Alam 5/322, al-Dibagh al-Madhab 2/309.

<sup>3</sup>*Tafsir al-Qurtubi*, Juz I, Kaherah, 'Isa al-Babi al-Halabi, t.t., h. 589.

<sup>4</sup>Beliau ialah Ismail bin Omar bin Kathir bin Dra' berasal dari keturunan Quraisy. Dilahirkan pada tahun (701 H.) dan meninggal pada tahun (774 H.) terkenal sebagai ahli Tafsir, Fekah dan Sejarah. Beliau banyak menghasil karya-karya besar. Antaranya: *Tafsir al-Quran al-Azim*, *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, dan lain-lain. Sila lihat al-'Alam oleh al-Zirikli 1/32., Syadharatu al-Dhahab 6/231.

<sup>5</sup>*Tafsir al-Quran al-Azim*, Juz. 1, Kehirah, 'Isa al-Halabi, t.t., h. 589.

mempertuhankan beliau, dan kepada orang Yahudi Allah (s.w.t), melarang mereka mencela Nabi ‘Isa (a.s). Kedua-dua golongan tersebut saling bertentangan di antara satu sama lain. Perbuatan itu sangat buruk dan tercela”.

Perkataan Ghuluw juga terdapat di dalam Hadith Rasulullah (s.a.w) bersabda:<sup>6</sup>

**يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِيمَانُكُمْ وَالغَلُوْفُ فِي الدِّينِ فَإِنَّهُ أَهْمَلُكُمْ مَمَّا كَانُوا بِهِ مُغْلُوْفًا**

“Wahai manusia!! jauhilah kamu semua dari melampau, sesungguhnya melampau di dalam agama itu telah membinasakan orang-orang sebelum dari kamu (umat terdahulu).”

Menurut Ibnu Taimiah:<sup>7</sup> “إِيمَانُكُمْ وَالغَلُوْفُ فِي الدِّينِ” merupakan satu lafaz umum merangkumi bidang-bidang Akidah dan ‘Amalan.<sup>8</sup>

Sementara itu para Ulama dari berbagai aliran telah memberi definisi masing-masing berhubung dengan pengertian ghuluw. Menurut Naubakhti, *ghuluw* merupakan golongan yang menolak Rububiyyah Allah (s.w.t).<sup>9</sup> Manakala Syeikh al-Mufid<sup>10</sup> pula berpendapat: “Ghuluw adalah golongan yang telah meletakkan Amir al-Mu’mimin (Ali bin Abu Talib) dan Imam-imam yang lain dari keturunan beliau sebagai Tuhan dan Nabi dan mereka memujanya di dunia sehingga melampau had.”<sup>11</sup>

Di samping itu Imam Abu Hasan al-Ashari telah mentakrifkan mereka sebagai: “golongan yang melampau pada ‘Ali (r.a) dan mereka berkata dengan perkataan yang berat”.<sup>12</sup> Ibnu Hazmi pula menjelaskan bahawa golongan tersebut berkata bahawa: ‘Ali dan Imam-imam selepasnya adalah Tuhan, dan sebahagian

<sup>6</sup>Ibn Majah, *Kitab al-Manasik*, Bab Qadr al-Husa, Juz. 2, h. 1008.

<sup>7</sup>Beliau ialah Ahmad Abdul Halim bin Abdul Salam bin Abdullah al-Harani al-Dimasqi al-Hanbali salah seorang tokoh ilmu terkenal. Banyak meninggalkan kitab-kitab dan mahir di dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Banyak kawan dan pengikut, dan tidak kurang pula musuh yang tidak senang dengan beliau. Meninggal dunia di dalam penjara pada tahun (728 H). Lihat al-Dhahabi, *Tadkirah al-Huffaz*, Juz. 2, h. 1496.

<sup>8</sup>Ibn Taymiyyah, *Iqtida al-Sirati al-Mustaqim*, Juz. 1, h. 289-290.

<sup>9</sup>Al-Nawbakhti, *Firaq al-Syi’ah*, al-Nasriyat al-Islamiyyah li Jamiah al-Mustasyriqi al-Almaniah, Matba’ah al-Dawlah 1993, h. 41.

<sup>10</sup>Beliau ialah Abdullah Muhammad bin Muhammad bin al-Nu’man al-‘Abkari al-Baghdadi terkenal dengan al-Mufid (M. 413). Sila lihat *Al-Lu’lu’ Wa al-Marjan*, h. 357-372.

<sup>11</sup>Tashih al-Asy’ari, *al-‘Itiqad*, h. 217.

<sup>12</sup>*Maqalat Islamiyyin*, Juz. 1 h. 66.

yang lain berkata ‘Ali sebagai nabi.<sup>13</sup> Sementara itu al-Syihristani menerangkan bahawa: “*Ghulah* ialah golongan yang melampau terhadap Imam-imam mereka sehingga mereka meletakkan Imam-imam tersebut sebagai Tuhan, dan sebahagian mereka pula mentasybihkan (menyamakan) salah seorang dari Imam-imam tersebut dengan Tuhan, atau mereka mentasbihkan Tuhan dengan Makhluk”.<sup>14</sup>

Dari pengertian di atas dapat difahami bahawa *Ghuluw* merupakan satu fahaman yang telah melampau di dalam tindakan di mana mereka telah mengangkat ‘Ali (r.a) dan juga Imam-imam dari keturunan beliau sehingga kepada tahap Rububiyah atau Uluhiyah, manakala sebahagiannya pula meletakkan beliau sebagai Nabi. Perbuatan tersebut telah melampau dan salah serta bertentangan dengan konsep Islam. Dengan itu *Ghuluw* merupakan satu sikap pendewaan atau pemujaan terhadap seseorang, sehingga sampai ke tahap Uluhiah atau Rububiah dan Nubuwwah. Perbuatan tersebut bertentangan dengan Tauhid, prinsip Islam dan merosakkan ajaran agama.

### Bahagian-bahagian *Ghuluw*

Secara umumnya *Ghuluw* dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: *Ghuluw* terhadap individu dan *Ghuluw* terhadap ajaran.

#### a. *Ghuluw* Terhadap Individu

*Ghuluw* seperti ini biasanya berlaku apabila seseorang diberi penghormatan dan sanjungan yang melampau, sehingga terkeluar dari batas yang dibenarkan oleh Islam. *Ghuluw* terhadap individu telah berlaku di dalam agama Kristian di mana mereka telah mengangkat Nabi Isa (a.s) sebagai Tuhan, begitu juga *Ghuluw* golongan Syiah terhadap ‘Ali bin Abu Talib (r.a) yang meletaknya sebagai tuhan. Kerana itulah Rasulullah (s.a.w) telah melarang dengan tegas, agar baginda jangan terlampau dipuja dan disanjung sebagaimana orang Nasara menyanjung Nabi Isa (a.s), kerana penyanjungan seperti itu sudah tentu membawa akibat buruk dan merosakkan akidah Islam.

#### b. Melampau Terhadap Prinsip

*Ghuluw* seperti ini juga wujud di dalam masyarakat Islam, di mana ada golongan yang terlampau berpegang dengan prinsip dan fanatik dengan fahaman sehingga menolak pandangan orang lain secara total. Keadaan ini telah terjadi di kalangan sebahagian masyarakat Islam, di mana mereka telah berjuang untuk

<sup>13</sup>Ibnu Hazm, *al-Fasl fi al-Milal Wa al-Ahma Waal-Nihal*, Juz. 2, h. 114.

<sup>14</sup>Al-Syahrastani, *al-Milal Wa al-Nihal*, Juz. 1, h. 183.

menegakkan fahaman tersebut dengan berbagai cara seperti golongan Khawarij, Syiah, Mu'tazilah dan lain-lain. *Ghuluw* ini juga berlaku kepada fahaman-fahaman lain seperti komunis, sosialis, Nasionalis dan sebagainya di mana mereka akan mempertahankan prinsip masing-masing dengan menggunakan apa cara sekalipun.

### **Sejarah Ghuluw Di Dalam Masyarakat Islam**

Islam agama yang mengajak umatnya supaya sentiasa berada di dalam keadaan *Wasat* (sederhana) dan melarang keras umatnya dari *Ghuluw* atau melampau, sama ada di dalam akidah, syariat, amal ibadat akhlak dan sebagainya. Malah Islam dengan konsep *al-Wasatnya* (sederhana) berusaha sedaya upaya agar umatnya merupakan masyarakat yang patuh dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya dengan sebaik-baiknya tanpa menambah atau mengurangkan ajarannya.

Untuk memastikan Islam dilaksanakan dengan tepat, Allah dan Rasul-Nya telah meletakkan garis panduan dan sempadan yang perlu diikut dan dipatuhi, agar tidak salah atau lari dari asas yang sebenar di dalam setiap aspek kehidupan.

Kisah beberapa orang sahabat Rasulullah (s.a.w) yang datang bertanya isteri-isteri baginda tentang amalan yang dilakukan olehnya dapat dijadikan contoh di dalam kesederhanaan dan tidak melampau di dalam amal ibadah. Hadith tersebut menjelaskan bahawa setelah sahabat-sahabat tersebut mendengar amal ibadah Rasulullah (s.a.w) dan merasa kagum, ada yang berkata: Aku akan sembahyang sepanjang malam (tidak akan tidur), ada yang berkata: Aku akan berpuasa selama-lamanya dan tidak akan berbuka, dan ada yang berkata: Aku tidak akan kahwin. Kata-kata tersebut diketahui oleh Rasulullah (s.a.w), lalu baginda menjelaskan sikap tersebut telah menyimpang dan terkeluar dari landasan Islam. Baginda bersabda: "Demi Allah Aku paling takut kepada Allah dari kamu dan lebih bertakwa kepadaNya, tapi aku puasa dan berbuka, aku sembahyang dan tidur dan aku berkahwin. Sesiapa yang tidak mahu mengikut Sunnahku bukan dari pengikutku".

Islam sangat memberi perhatian di dalam setiap aspek kehidupan umatnya agar semua kegiatan yang dilakukan tepat dan tidak terkeluar dari batas dan sempadan yang telah ditetapkan, sama ada ibadah, kebaikan dan sebagainya, sehingga Rasulullah menegaskan orang yang cuba untuk melakukan amal ibadah lebih dari batas yang dibenarkan telah dilarang dengan keras dan dikira sebagai telah menyalahi Sunnahnya.

Walaupun Ali (r.a) telah mengambil tindakan tegas terhadap golongan tersebut tetapi pemikiran yang serupa telah lahir juga kemudiannya, di mana sejarah telah membuktikan bahawa fahaman *Ghuluw* di dalam masyarakat Islam tetap ada dan berkembang dengan munculnya beberapa gerakan yang dipimpin

oleh Bayan bin Sama'an (m. 119 H.), Mughirah bin Saied (m. 119 H.) Abu Mansor al-Ajli (m. 121 H.)<sup>15</sup> Mokhrar bin Yusof al-Saqafi dan lain-lain lagi.

Dengan itu fahaman *Ghuluw* telah mula wujud di zaman Khulafa al-Rasyidin dan berkembang selepasnya di dalam masyarakat Islam sehingga menimbulkan kekacauan Akidah, pemikiran dan perperangan. Mereka telah menggunakan berbagai cara untuk mencapai matlamat dan tujuan masing-masing.

### Faktor-faktor Lahirnya *Ghuluw*

*Ghuluw* tidak lahir secara tiba-tiba dan spontan, tetapi kemunculannya dibantu oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut saling kait-mengait di antara satu sama lain. Antaranya ialah:

#### a. Jahil Tentang Agama Islam

Sebab utama lahir *Ghuluw* ialah kejahilan. Apabila masyarakat Islam jahil macam-macam boleh berlaku. Apabila seseorang itu jahil tentang agama mereka, dia akan terdedah kepada berbagai kesalahan, mudah terpesong atau senang dipesongkan. Dari sinilah datangnya pemikiran yang dicanang untuk memesongkan umat Islam.

Di antara kejahilan umat Islam ialah jahil tentang tujuan syarak, jahil tentang suruhan dan larangan, janji baik dan ancaman buruk dari Allah (s.w.t), akhlak, bahasa Arab dan sebagainya. Kejahilan umat Islam tentang perkara-perkara tersebut telah banyak menimbulkan keadaan buruk di dalam masyarakat, sehingga muncul berbagai-bagai golongan di dalam masyarakat Islam seperti jahmiah, Mu'tazilah, Jabariah, Murjiah, Khawarin dan sebagainya.

#### b. Mengikut Hawa Nafsu

Menurut kehendak hawa nafsu merupakan salah satu faktor yang membawa seseorang atau satu-satu kumpulan terjerumus di dalam kancang *Ghuluw*. Terdapat beberapa ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan akibat buruk mengikut hawa nafsu. Antara ayat yang menerangkan bahaya nafsu ialah:

بِلَّا تَبْغِيَ الظُّلْمُوا هُوَمُ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ  
وَمَا هُمْ مِنْ شَّاكِرِينَ ۱۵

“Tetapi orang-orang zalim mengikut Hawa Nafsu mereka tanpa mu pengetahuan, maka siapakah yang akan menunjuki

<sup>15</sup>Al-Baghdadi, *al-Farq bayn al-Firaq*, h. 146, al-Asy'ari, *Maqalat Islamiyyin*, h.68.

*orang yang telah disesatkan Allah? dan tidak ada bagi mereka orang dapat menolong.”*

(al-Rum: 29)

dan firmanNya lagi:

وَإِنْ كَثِيرًا لِّيُصْلُونَ بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُعْتَدِينَ

*“Dan sesungguhnya kebanyakan orang (dari manusia) benar-benar hendak menyesatkan (orang lain) dengan Hawa Nafsu mereka tanpa pengetahuan, sesungguhnya Tuhanmu Dialah lebih mengetahui orang-orang yang melampaui batas”*

(al-An'am: 119)

Mengikut hawa nafsu akan melahirkan Ghuluw. Pada kebiasaannya mereka akan meletakkan keinginan mereka lebih tinggi dari syarak, kemudian mereka mencari dalil-dalil Qur'an atau Hadith untuk membenarkan pendapat tersebut.

Mereka akan mengukur syarak dengan akal, sekiranya sesuai dengan manhaj yang mereka tetapkan, nas tadi akan diterima, sebaliknya kalau nas-nas tersebut bertentangan dengan manhaj mereka, mereka akan menolaknya atau mentakwilinya sehingga sesuai dengan kehendak mereka.

Akidah, pemikiran dan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam adalah lahir dari hawa nafsu semata-mata, di mana mereka meletakkan hawa nafsu di atas segala-galanya. Kerana itu penolakan umat manusia terhadap ajaran para rasul pada hakikatnya adalah berpunca dari meletakkan hawa nafsu di atas segala-galanya. Allah berfirman di dalam surah al-Jathiah (ayat 23) bermaksud: Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan?

### c. Berpegang Dengan Hadith-Hadith Lemah Atau Palsu

Berpegang dengan Hadith-hadith Dhaif atau palsu menyebabkan lahirnya Ghuluw di dalam 'Aqidah Islam. Penciptaan Hadith palsu tidak berlaku dengan secara spontan, tetapi ia disusun rapi dan malah lahirnya hadith-hadith tersebut hasil dari perancangan musuh-musuh Islam, di dalam rangka memerangi Agama Islam yang amat mereka benci. Mencipta hadith palsu salah satu cara yang berkesan di dalam menabur fahaman dan pemikiran salah di dalam 'Aqidah.

Tujuan mencipta hadith palsu ialah untuk memburukkan Islam dan sekaligus untuk menjauahkan umat Islam dari hadith, sehingga muncul orang yang hanya menerima Qur'an dan menolak hadith. Pada waktu yang sama mereka juga

membekalkan hadith-hadith palsu sebagai bahan rujukan kepada golongan Ghuluw. Kerana itu setiap golongan Ghuluw tidak terlepas dari hadith-hadith dhaif dan hadith palsu, malah hadith-hadith tersebut telah menjadi asas pegangan mereka.

#### **d. Pengaruh Agama-Agama Terdahulu**

Agama Islam telah berkembang ke seluruh dunia. Perkembangan itu membimbangkan musuh-musuh Islam. Golongan-golongan tersebut terpaksa akur dengan kekuatan Islam di mana mereka tidak mampu menentang umat Islam dengan kekuatan senjata. Mereka mengubah cara dan strategi dengan memeluk agama Islam dan berusaha merosakkan Islam dari dalam iaitu memasukkan ajaran-ajaran mereka sedikit demi sedikit ke dalam ajaran Islam.

Rancangan mereka berjalan terus dan berjaya membangkitkan suasana tegang di dalam masyarakat, sehingga khalifah ketiga dan keempat dibunuh dengan kejam. Para pengkaji hampir sepandapat bahawa setiap gerakan *Ghuluw* yang lahir di dalam masyarakat Islam tidak terlepas dari pengaruh pemikiran yang bertentangan dengan aqidah Islam yang sebenar, seperti Yahudi, Nasrani, Majusi, Falsafah Yunani dan Greek, agama Hindu, Budha dan Mesir Tua.

#### **f. Tekanan Dan Kezaliman**

Tekanan dan kezaliman yang dilakukan ke atas satu-satu kumpulan dan golongan merupakan salah satu sebab lahirnya *Ghuluw*. Tekanan-tekanan dan kezaliman yang telah dilakukan oleh pemerintah Umayyah dan Abbasiyah terhadap keluarga ‘Ali bin Abu Talib (r.a) dan keturunannya, menyebabkan lahirnya golongan pembela, penyokong dan orang-orang bersimpati terhadap beliau. Tekanan dan kezaliman itu sudah pasti akan lahirnya rasa tidak puas hati dan akhirnya untuk mempertahankan diri dan menuntut keadilan, dan seterusnya membala dendam. Dalam suasana inilah akan lahir golongan-golongan yang pelampau terhadap ‘Ali dan keturunannya, sehingga mengangkat mereka kepada tahap tuhan.

Dari penjelasan di atas dapat dirumuskan bahawa golongan *Ghuluw* dan pemikirannya tidak lahir secara tiba-tiba dan spontan saja tetapi disebabkan beberapa faktor dan pengaruh yang ada di alam masyarakat dan membantu lahirnya pemikiran tersebut di samping perancangan yang telah diatur oleh musuh-musuh Islam yang ingin mencari kesempatan dari kelalaian, perpecahan dan kelemahan umat Islam dari masa ke semasa.

## **Sasaran Ghuluw Di Dalam Akidah Islam**

Allah (s.w.t) dan rasulnya telah menggariskan dengan jelas prinsip-prinsip Islam dan asas-asas aqidahnya, sebagaimana tertera di dalam kitab dan sunnah rasulnya. Musuh-musuh Islam, terutamanya golongan Ghuluw telah mengetahui bahawa Islam merupakan Syariah dan Aqidah yang lengkap dan menyeluruh. Dengan demikian mereka cuba sedaya upaya untuk meruntuhkan Islam dari dalam dengan perancangan rapi dan teratur, bertoppingkan Islam.

Golongan tersebut meletakkan sasaran mereka terhadap rukun Iman dan Islam. Apabila kedua-dua rukun tersebut telah rosak sudah pasti akan rosak seluruh hidup seseorang itu, walaupun pada mana ia masih dianggap sebagai Muslim.

Di antara prinsip-prinsip utama diberi penekanan oleh golongan tersebut di dalam Uluhiyah, Nubuwwah dan Al-Ma‘ad.

### **a. Uluhiyah**

Beriman kepada Allah (s.w.t) dengan Uluhiyah, Rububiyyah, Asma’ dan sifat-sifatNya merupakan prinsip Islam asas dan rukun Iman pertama. Golongan tersebut berusaha dengan gigih untuk meruntuhkan asas tersebut dengan memutar belit dan memberi pengertian yang salah terhadap prinsip-prinsip ketuhanan iaitu dengan membawa beberapa pemikiran dan Aqidah yang menyeleweng dan bertentangan dengan Aqidah Islam, seperti **Hulul**, **Ittihad**, **Tasybih**, **Tajsim** dan sebagainya.

## **Prinsip Kerasulan Dan Kenabian**

Usaha-usaha golongan *Ghuluw*, tidak hanya tertumpu untuk merosak dan memusnahkan prinsip ketuhanan sahaja, malah mengorak langkah untuk memusnahkan prinsip-prinsip kenabian dan kerasulan, kerana mereka tahu, kalau rosak prinsip kerasulan akan rosak asas ketuhanan.

Mereka menjalankan usaha dengan berbagai cara, antaranya ialah mengangkat kedudukan Rasul sama dengan kedudukan Uluhiyah dan Rububiyyah Allah (s.w.t), menyebarkan fahaman bahawa Nabi dan wahyu tidak akan putus sampai kiamat. Kedua-dua fahaman tersebut sudah cukup untuk meruntuhkan konsep *Nubuwwah*. Pemikiran ini bukan saja berlaku di zaman awal Islam, tetapi juga telah tersebar luas sehingga sampai ke hari ini. Munculnya golongan Bahaidi Iran, Qadyani di benua India dan “Ajaran Salah” di Malaysia merupakan rentetan dan kesinambungan kepada pemikiran tersebut. Munculnya nabi-nabi palsu di dalam sejarah umat Islam adalah sebahagian dari fenomena di dalam meruntuhkan konsep *Nubuwwah*.

### c. Prinsip Al-Ma'ad

Perkara ketiga yang diberi tumpuan utama ialah dengan menghancurkan prinsip Al-Maad. Al-Maad ialah beriman dengan hari kiamat, bangkit, syurga, neraka, dosa, pahala dan sebagainya. Apabila konsep ini dihapus, prinsip ketuhanan dan kerasulan juga turut musnah dengan sendirinya. Apabila tidak ada balasan baik atau buruk terhadap usaha manusia tidak guna beriman dengan Allah dan sekaligus tidak perlu kepada rasul untuk membimbang mereka.

Untuk menjayakan pemikiran ini mereka mewujudkan fahaman Al-Tanasukh. Fahaman ini membawa pengertian, tidak ada kiamat dan akhirat, apa yang berlaku adalah roh manusia akan berpindah dari seorang kepada seorang yang lain, kalau sekiranya dia seorang baik rohnya akan berpindah kepada orang baik dan begitulah sebaliknya kalau seseorang itu jahat, rohnya akan berpindah kepada orang jahat.<sup>16</sup> Pemikiran ini jelas menolak Kiamat dan apa yang akan berlaku selepasnya. Usaha-usaha seperti ini merupakan pemikiran dan Aqidah paling bahaya untuk meruntuhkan Aqidah Islam.

Ketiga-tiga prinsip di atas merupakan sasaran utama di dalam memerangi Islam dari dalam. Siapa saja yang menerima pemikiran tersebut sama ada semua atau sebahagiannya sudah cukup untuk memesongkan dari Islam dan mengeluarkan mereka dari Islam secara tidak sedar, walau pun mereka masih mengaku mereka sebagai orang Islam. Apa yang berlaku, golongan-golongan ini sering mendakwa Islam mereka lebih baik dari orang lain, malah ada yang mendakwa orang yang berfahaman seperti mereka saja Islam, manakala orang lain tidak diakui sebagai Islam, atau Islam yang sebenar.

### Fahaman-fahaman Ghuluw

Golongan-golongan Ghuluw menganut berbagai fahaman dan pemikiran. Fahaman yang dianuti memperlihatkan kepada kita betapa fahaman tersebut telah diambil dari berbagai aliran akidah dan pemikiran agama-agama terdahulu, kemudian diadun dan diolah semula dengan corak Islam. Tujuan mereka ialah untuk menimbulkan ajaran baru di dalam masyarakat Islam, dan memesongkan ajaran Islam yang sebenar.<sup>17</sup>

Di antara akidah dan pemikiran yang dianuti oleh mereka dan cuba disebarluaskan di dalam masyarakat Islam ialah seperti berikut:

---

<sup>16</sup> Al-As'ari, *Maqalat Islamiyyin*, juz. 1, hal. 119. Al-Ghazali, *Fad'ah al-Batinah*, hal. 44.

<sup>17</sup> Irfan Abd al-Hamid, *Dirasat fi al-firaq wal 'Aqaid al-Islamiyah*, hal. 76,77.

### a. *Hulul* (Incarnation corporation)

Hulul di sini bermaksud: beriktikad bahawa zat Allah (s.w.t) atau ruhNya berada di dalam diri hambaNya atau makhlukNya. Dalam hubungan ini apabila disebut *Hulul* maka ia membawa maksud: ruh Allah telah berpindah kepada makhluk-Nya. Konsep ini dikenal sebagai **Manusia Tuhan** iaitu setelah dikatakan dan dipercayai Tuhan berada di dalam diri manusia. Untuk mempertahankan fahaman tersebut, mereka membawa ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil dan bukti. Antaranya seperti firman Allah:

فَإِذَا سَوَّيْتَهُ وَنَفَخْتَ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَجِدِينَ  
٦٧

*"Maka apabila telahku sempurnakan kejadiannya dan ku tiupkan kepadanya ruh (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu bersyukur dengan bersujud kepadaNya."*

(Sad: 76)

Berdasarkan ayat tersebut golongan ghuluw percaya bahawa roh Allah (s.w.t) berada di dalam setiap diri para rasul dan nabi dan roh tersebut akan berpindah pula kepada rasul dan Nabi-nabi berikutnya.<sup>18</sup>

Dengan erti lain mereka berpendapat bahawa, **uluhiyah** merupakan cahaya/nur Allah yang terpancar kepada nabi, dan cahaya tersebut akan terpancar pula kepada Imam-imam. Alam tidak akan hilang dari pancaran nur tersebut.<sup>19</sup>

Fahaman seperti ini adalah bertentangan dengan Islam, di mana ia mengajak manusia menolak konsep ketuhanan dan mereka cuba menghapuskan perbezaan Allah (s.w.t) dengan makhlukNya, dan seterusnya manusia tidak perlu lagi kepada Rasul dari Allah (s.w.t). Di antara golongan yang menganut ajaran ini ialah **Sabaiah, Jinahiah, Harbiah, Bayaniah, 'Umairihah, Syari'yah, Halmaniah, Muqni'yah, 'Azafirah, Ismailiah** dan lain-lain.

*Hulul* merupakan Aqidah lama dan telah wujud sebelum Islam. Para pengkaji tidak bersepakat tentang asal usul fahaman tersebut. Al-Ma'ri berkata: "Aqidah tersebut berasal dari Firaun, kerana itu beliau mendakwa sebagai tuhan,<sup>20</sup> sebagaimana dijelaskan oleh al-Qur'an.

<sup>18</sup>Mazalah al-Jaburi, *Harakah al-Ghuluw Wa-Usuluhu al-Farisiah*, Maktabah Ibn Taymiyyah, cet.I, 1989 M./1409 H. hal. 25.

<sup>19</sup>Al-Syihristani, *Al-Milal Wa al-Nihal*, juz., 1 hal. 3.

<sup>20</sup>Al-Ma'ri, *Risala al-Ghufran*, hal. 409.



*"Akulah Tuhan kamu yang paling agung".*

(al-Nazi'at: 24)

Sementara itu Abu Saed Naswan pula berpendapat bahawa Aqidah tersebut datangnya dari agama *Thanawiah* Parsi. Pendapat ini disokong oleh Dr. Muhammad Jabil al-'Al. Beliau berkata: "Orang yang mempertuhankan 'Ali (r.a) pada hakikatnya menghidupkan kembali Aqidah lama, yang ada hubungan dan kaitan dengan konsep *Nur al-Qadim*, di mana ia telah lama wujud di negeri Iraq, yang menjadi asas kepada anutan mereka".<sup>21</sup> Sementara itu al-Syahrastani mengaitkan Hulul dengan Aqidah Yahudi dan Nasrani, manakala Ibnu Khaldun pula tidak menolak fahaman tersebut mempunyai kaitan dengan agama Nasrani.

Para ulama Islam telah menentang fahaman tersebut dengan sekeras-kerasnya. Fahaman tersebut bertujuan menghancurkan konsep Uluhiyah, Nubuwah dan Imamah.<sup>22</sup> Mereka cuba menghapuskan garis pemisah di antara Allah (Khalik) dengan makhlukNya, dengan beriktikad Allah berada di dalam tubuh badan manusia. Dengan itu tidak ada lagi pemisah di antara Allah dengan hamba dan di antara seorang manusia dengan seorang manusia lain, mereka semua adalah sama iaitu Allah<sup>23</sup> (Tuhan).

### b. Tasybih (Antherpomorphingm).

Dimaksudkan dengan tasybih di sini ialah; menyerupakan sifat Allah dengan makhlukNya atau menyamakan zat atau sifat Makhluk dengan Allah. Di antara golongan-golongan yang mentasybihkan Allah dengan ZatNya ialah: Al-Bayaniah, Al-Mughiriah, Al-Mansoriah, Al-Hakamiah, Al-Jawaliqiah, Al-Yunusiah, Daud al-Jawaribi, Al-Karamiah, Ahmad b. Hanbal.

Manakala golongan yang mentasbihkan Allah dengan sifat makhlukNya ialah: Al-Zarariah yang mendakwa Allah tidak bersifat dengan sifat *Hayat*, *Ilm*, *Qadir*, *Samie' Basir* dan sebagainya pada azali, tetapi sifat-sifat tersebut hanya ada pada Allah setelah Allah mengadakan sifat-sifat tersebut kepada dirinya, sebagaimana Allah ujudkan sifat-sifat tersebut kepada manusia.<sup>24</sup>

<sup>21</sup> Jabir al-'Al, *Harakat al-Siyah al-Mutatarrifin*, hal. 12

<sup>22</sup> Ibn Khaldun, *Muqadimmah*, hal. 198.

<sup>23</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmu' al-Rasail Wal al-Masail*, hal. 98.

<sup>24</sup> Al-Isfirani, *Al-Tafsir fi al-Din*, hal. 107, al-Baghdadi, *Al-Farq bayn al-Firaq*, hal. 228.

Golongan *Ghuluw* menggambarkan bahawa: “Tuhan mereka serupa dengan manusia mempunyai anggota dan bahagian-bahagian, sama di segi rohani dan jasmani, boleh berpindah dan turun naik menetap di satu-satu tempat di samping itu mereka mengharuskan Tuhan boleh disentuh dan boleh bersalaman, orang-orang mukminin boleh melihatnya di dunia dan akhirat.<sup>25</sup>

Mentasybihkan Zat atau sifat Allah dengan makhluk amat bahaya dan boleh membawa seseorang itu terpesong dan terkeluar dari Islam. Pemikiran ini telah digunakan oleh golongan *Ghuluw* untuk menggambarkan Allah dengan gambaran yang menyerupai manusia, sedangkan Allah dan RasulNya telah menegaskan bahawa Allah tidak serupa dengan makhluk walau sedikit pun.

Prinsip tasybih ini diujudkan untuk melengkapkan konsep *Tajsim* yang juga diperkenalkan oleh mereka, di mana mereka juga telah menggambarkan bahawa Allah mempunyai anggota serupa semua anggota manusia. Apabila mereka mentasybihkan Allah dengan manusia mereka telah memindahkan sifat-sifat tersebut sama seperti sifat manusia. Orang yang mula-mula menonjolkan pemikiran ini ialah Bayan bin Sam'an, setelah beliau mendakwa bahawa Allah serupa dengan manusia dan Dia (Allah) adalah dari cahaya. Dia (Allah) akan binasa sebagaimana manusia binasa, kecuali mukanya. Pandangan ini diambil dari firman Allah di dalam surah al-Qasas dan al-Rahman:

كُلُّ شَيْءٍ عَلَيْهِ مِنْ حَالٍ إِلَّا وَجْهَهُ ...  


“Tiap-tiap sesuatu pasti akan binasa, kecuali Allah”

(al-Qasas: 88)

dan firmanNya lagi:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا قَاتَلٌ وَيَقِنَّ وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَلِ وَالْأَكْرَامِ  


“Semuanya ada di bumi akan binasa. Dan tetap kekal wajah  
Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”

(al-Rahman: 26-27)

Golongan ini berpendapat sekiranya tidak digambarkan Allah dengan gambaran yang dapat difahami oleh manusia ia adalah khayalan semata-mata . Untuk mempastikan lebih mantap mereka cuba membayangkan bahawa Allah sama dengan manusia seperti sakit, rasa lazat dan nikmat, ada keinginan hawa nafsu, lemah, sakit dan mati.<sup>26</sup>

<sup>25</sup> Al-Syahrastani, *al-Millat Wa al-Nihal*, juz. 1, hal. 148.

<sup>26</sup> Al-Isfirani, *Al-Tafsir fi al-Din*, hal. 102.

Konsep tasybih ini sangat bahaya, dan boleh membawa seseorang itu jadi kafir, dan sekaligus meruntuhkan konsep Uluhiah. Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an:

١١... لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ...

"Tidak sesuatu pun yang serupa dengan Allah."

(al-Syura: 11)

### c. *Tanasukh* (Transmigration of souls)

Dimaksudkan dengan Tanasukh di sini ialah: Roh orang yang telah mati akan diletakkan ke dalam tubuh atau badan orang lain<sup>27</sup> atau roh orang yang telah mati berpindah dari seorang kepada seorang yang lain sama ada kepada manusia atau binatang.<sup>28</sup>

Untuk memperkuatkan pegangan, mereka membawa beberapa ayat al-Quran sebagai alasan dan dalil. Antaranya ialah:

وَمَا مِنْ دَبَّابَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٌ يَطِيرُ بِهَا حَيْوًا إِلَّا أَمْتَالُكُمْ ...

"Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat-umat (juga) seperti kamu."

(al-An'am: 38)

Lantas mereka cuba mentakwil dengan berkata, bahawa jiwa-jiwa binatang itu sama dengan manusia juga.

٤٦... حَتَّىٰ يَأْتِيَعَ الجَمَلُ فِي سَرَّ الْحِيَاطِ ...

"Sehingga unta masuk lubang jam."

(al-A'raf: 40)

Dengan itu mereka berkata: "Roh-roh yang baik sentiasa berpindah dari satu badan ke satu badan lain lebih halus dan baik/bersih di mana ianya akan sampai kepada ulat yang halus yang dapat memasuki lubang jarum selepas berada di dalam tubuh unta."<sup>29</sup>

<sup>27</sup>Ibn Sina, *Risalah Adhawiah fi amr al-Ma'ad*, hal. 58.

<sup>28</sup>Al-Syahrastani, *Al-Milal Wa al-Nihal*, juz. 1, hal. 224.

<sup>29</sup>Ibn Sina, *Risalah Adhawiah fi Amr al-Ma'ad*, hal. 42.

difahami oleh golongan tersebut kerana fahaman seperti ini meruntuhkan Zat Allah (s.w.t), dan konsep ke EsaanNya.

#### e. Nabi Yang Berterusan

Salah satu dari konsep yang diketengahkan oleh golongan tersebut ialah konsep Nabi yang berterusan dan tidak akan berhenti sehingga sampai hari Qiamat. Akidah seperti ini bukan saja lahir di zaman Rasulullah s.a.w sahaja, malah ia terus timbul dan muncul sampai hari ini. Pengakuan ini dilakukan dengan terang-terang dan ada pula yang dilakukan secara sembunyi atau tidak langsung. Walau apa pun fenomena seperti ini tetap berlaku dan ia merupakan perancangan dari musuh-musuh Islam, khasnya dari golongan *Ghuluw*.

Ada pengkaji yang berpendapat pemikiran tersebut pada asalnya datang dari Yahudi di mana mereka berpendapat *Roh Tuhan* bersatu dengan Adam dan lahir dalam bentuk manusia sebagai seorang Nabi yang benar, dalam berbagai personaliti. Menurut fahaman tersebut semua Nabi-nabi pada dasarnya adalah seorang sahaja, di mana mereka semua adalah jelmaan Allah. Pada hakikatnya nabi yang sebenar adalah seorang sahaja dan akan terus ada sampai bila-bila.<sup>35</sup>

Selain itu ada juga yang berpendapat bahawa fahaman tersebut datangnya dari kaliment Iskandar (titus palatius kaliment). Beliau dianggap sebagai pengasas kepada ‘**Aqidah Nabi yang sebenar yang akan lahir pada setiap masa dengan berbagai nama dan personaliti**, pada hakikatnya ada seorang saja. Menurut pendapatnya, Nabi ‘Isa itu sebenarnya Nabi Adam. Begitulah halnya dengan Nabi Nuh, Ibrahim, Ishaq, Yaakub, Musa dan Isa.<sup>36</sup> Semuanya adalah seorang sahaja.

Dengan itu dapat kita lihat kumpullah *Jinahiah* telah mendakwa: “Bahawa *Roh Allah* mula-mula sekali berada di dalam diri Adam dan kemudian Sith, selepas itu berpindah pula kepada para Nabi dan Imam selepasnya sehinggaalah sampai kepada ‘Ali (r.a), kemudian kepada ketiga-tiga anaknya (Hasan, Husin Muhammad Hanafiah), selepas itu berpindah pula kepada Abdullah bin Mu‘awiah. Keadaan yang serupa berlaku kepada golongan Muqni’yah,<sup>37</sup> di mana mereka mendakwa: “Aku adalah Tuhan, aku telah lahir sebagai Adam dan kemudian lahir selepas itu dalam rupa setiap Nabi-nabi dan Rasul-rasul.”<sup>38</sup>

<sup>35</sup> Irfan ‘Abd al-Hamid, *Dirasat fi ‘Aqa'id - Islamiyyah*, hal. 85.

<sup>36</sup> *Ibid.*, hal. 86.

<sup>37</sup> Al-Baghdadi, *Al Firq Bayn al-Firaq*, hal. 150.

<sup>38</sup> Al-Isfirani, *Al-Tabsir fi al-Din*, hal. 112.

Dari konsep ini maka lahirlah orang-orang yang mendakwa sebagai Nabi sejak zaman dahulu sampai sekarang. Orang yang mengaku menjadi Nabi, ada yang mengaku dengan terang-terang seperti pemimpin Qadyani, Baha'ie dan ada pula yang mengaku menerima wahyu selepas Rasulullah.

#### f. Ibahiah

Salah satu dari pemikiran yang disebarluaskan oleh golongan ini ialah menghalalkan semua perkara yang diharamkan oleh Allah dan RasulNya. Pemikiran ini secara langsung bertentangan dengan nilai moral dan akhlak mulia yang dianjurkan oleh Islam. Penganut agama Majusi seperti Mazdak, Zurwaniah<sup>39</sup> Ma'mariah umpamanya menghalalkan arak dan zina dan semua perkara yang diharamkan, di samping mengajak supaya meninggalkan sembahyang. Dalam hubungan ini mereka telah mentakwil firman Allah.

*“Allah ingin meringankan beban yang ditanggung oleh kamu.”*

Diceritakan pengikut Abu al-Khitab berkata: “Wahai Abu Khitab lepaskanlah kami dari belenggu dan rantai. Yang mereka maksudkan dengan belenggu dan rantai di dalam ayat tersebut ialah sembahyang, zakat, puasa dan haji. Dengan itu mereka berkata: “Sesiapa yang telah mengenal Rasul, Nabi dan Imam, lakukanlah apa yang dia mahu. Begitu juga dengan golongan Al-Jinahiah yang telah menghalalkan arak, zina dan makan bangkai, begitu juga mereka berpendapat tidak wajib sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji. Manakala golongan Mansuriah pula menghalalkan wanita dan perempuan yang haram dikahwini, (anak saudara perempuan ibu saudara dan sebagainya). Larangan yang tersebut di dalam al-Qur'an itu ditakwilkan dengan memusuhi nama orang lelaki dan perempuan yang diperintahkan Allah supaya dimusuhi, sebaliknya semua fardhu yang diperintahkan itu ditakwilkan dengan nama-nama orang yang disuruh supaya mentaati mereka. Mereka juga mengharuskan berkahwin dengan ibu, anak perempuan dan saudara-saudara kandung perempuan.<sup>40</sup>

#### g. Takwil

*Takwil* merupakan satu prinsip utama yang telah digunakan oleh golongan Ghuluw, di dalam meneruskan kelangsungan pemikiran mereka. Kerana itu semua konsep dan dasar pemikiran yang telah dikemukakan oleh golongan tersebut tidak dapat lari dari takwil. Malah tanpa takwil semua pemikiran yang dibawa oleh

<sup>39</sup>Al-Syahrastani, *Al-Milal Wa al-Nihal*, juz. 2, hal. 3.

<sup>40</sup>Al-Asy'ari, *Maqalat Islamiyyin*, juz. 1, hal. 74-77.

mereka tidak akan dapat disebar di dalam masyarakat. Untuk mencapai cita-cita dan tujuan, mereka akan menakwil ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith.

Golongan *Ghuluw* mentakwil ayat al-Qur'an bertolak dari fahaman: "Setiap yang zahir ada batin, dan setiap ayat yang diturunkan ada takwilannya". Alasan tersebut diambil dari firman Allah di dalam al-Qur'an al-Karim.

﴿قُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رَبُّ الْفَوْحَشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا يَكُنَّ﴾ ...

*"Katakanlah hanya Tuhanmu yang mengharamkan peralatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembunyi"*

(al-A'raf: 33)

dan firman-Nya:

﴿وَذُرُّوا أَظْلَاهُرَ الْأَثْرِ وَبَاطِئَتِهِ ...﴾

*"Dan tinggallah dosa yang nampak dan tersembunyi."*

(al-An'am: 120)

Dari ayat di atas golongan tersebut berkata: "Ayat-ayat Qur'an mudah dan senang, walaupun begitu di sebaliknya ada makna yang tersembunyi (tersirat) dan rahsia".

Dari konsep takwil inilah golongan tersebut cuba meruntuhkan Aqidah Islam fenomena seperti ini ada kepada semua golongan *Ghuluw* sejak dulu sampai sekarang. melalui cara ini mereka dapat meruntuhkan konsep Uluhiyah, Nubuwwah dan Al-Ma'ad. Dengan itu dapat dilihat bahayanya pemikiran tersebut kepada umat Islam di mana mereka cuba dipesongkan oleh golongan yang ingin meruntuhkan umat Islam.

### Cara-cara Golongan *Ghuluw* Untuk Meruntuhkan Islam

Untuk mencapai tujuan tersebut, golongan *Ghuluw* telah mengambil beberapa langkah untuk mempastikan rancangan mereka berjalan mengikut perancangan dan matlamat yang telah ditetapkan. Antara langkah-langkah dan cara-cara yang telah mereka lakukan ialah seperti berikut:

#### a. Mengaku Keluarga Rasulullah

Golongan *Ghuluw*, di dalam mencari pengikut dan mendapat sokongan dan simpati masyarakat, telah mengaku sebagai keluarga atau keturunan Rasulullah, sedangkan para Imam dari keturunan Rasulullah tidak ada hubungan dan kaitan dengan mereka, malah ada di antara mereka yang menjelaskan semua dakwaan keterlibatan dalam golongan tersebut adalah tidak benar dan dusta semata-mata.

Kedaaan seperti ini dapat dilihat kepada golongan Sabaiyah, Kisaniah, Karbiah, Mansuriah, Kamiliah dan lain-lain. Semua golongan tersebut mengaitkan mereka dengan keluarga Rasulullah, mendakwa mereka bekerja adalah semata-mata untuk menyokong dan membantu keluarga Rasulullah yang teraniaya.

#### **b. Membantu Orang-orang Lemah Dan Miskin**

Golongan *Ghuluw* memusatkan perancangan mereka kepada golongan miskin. Mereka cuba tonjolkan konsep keadilan, persamaan hak di dalam pengagihan kekayaan negara, di samping itu juga cuba ditimbulkan rasa tidak puas hati dengan cara pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak pemerintah. Akibatnya akan lahir rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat dan seterusnya akan lahir tunjuk perasaan dan pemberontakan. Dengan cara ini mereka dapat mengumpulkan orang-orang yang memang telah dendam dengan pemerintah.

Di samping itu mereka juga tahu bahawa golongan miskin juga ingin memuaskan seks, harta, terutamanya golongan yang rendah akhlak dan moral. Mereka akan menggunakan keadaan tersebut untuk mencapai tujuan mereka dengan menyediakan kemudahan mendapatkan harta dan sex melalui pertubuhan mereka. Inilah yang dilakukan oleh kumpulan Qaramitah dan Hasasin.

#### **c. Tasawuf dan Tarikat**

Tasawuf dan tarikat dipandang tinggi di dalam masyarakat Islam, justeru itu ramai dari golongan tersebut menggunakan Tasawuf dan Tarikat sebagai tempat mereka bertolak di dalam menyebar fikiran. Kalau diselidiki golongan yang membawa ajaran yang melampau dan menyeleweng di dunia Islam, ternyata mereka mendakwa bahawa mereka adalah golongan Tasawuf dan dari Tarikat-tarikat tertentu. Apa yang berlaku di negara kita sudah terbukti, di mana kebanyakan ajaran-ajaran yang telah dikenal pasti telah salah dan menyeleweng dari ajaran Islam mendakwa mereka adalah dari Ahli Tasawuf dan mengamal Tarikat tertentu.

#### **d. Melakukan Kekacauan Dan Huru-hara**

Golongan *Ghuluw* boleh diibaratkan sebagai Dedalu. Ketika masih kecil dan di peringkat permulaan mereka lemah dan tidak mengancam keselamatan, walaupun pada hakikatnya mereka telah mengancam Aqidah. Setelah mereka kuat dan ramai pengikut, mereka akan mengorak langkah dan mengancam keselamatan menimbulkan kegelisahan dan ketakutan di dalam masyarakat. Fenomena seperti ini telah dilakukan oleh Mughiriah, Manshuriah dengan memerintahkan pengikut masing-masing membunuh sesiapa sahaja yang menentang mereka dengan cara rahsia, terutamanya dengan cara mencekik leher mangsa. Mereka dianggap

Mereka mendakwa roh sentiasa berpindah di dalam berbagai keadaan dan bentuk dan tidak akan binasa. Ia akan terus kekal dan tidak akan rosak.<sup>30</sup> Mereka beranggapan bahawa syurga, neraka, dosa dan pahala hanyalah di dunia sahaja. Roh orang baik akan berpindah kepada orang baik, sebaliknya roh orang fasik dan jahat akan berpindah kepada binatang yang buruk.<sup>31</sup>

Tanasukh tidak hanya berlaku di antara manusia sahaja, malah mereka beriktiad bahawa roh Allah juga boleh berpindah kepada manusia. Mereka mendakwa: "Roh Allah telah berada bersama Adam (a.s). Mereka mendakwa Adam sebagai Tuhan yang disembah. Lantas dengan itu mereka menyembah Adam (a.s).

Akidah tanasukh pada hakikatnya mengajak manusia supaya kufur dan menolak Qiamat, syurga, neraka, pahala, dosa dan sebagai di dalam usaha mereka untuk menolak konsep Al-Ma'ad di dalam Islam.

Pemikiran seperti ini tidak ada di dalam Islam. Kerana itu al-Syahrastani mengaitkannya dengan agama Majusi, Mazdakiah, Hindu, Falsafah dan Sabiah<sup>32</sup>. Manakala al-Baghdadi pula berpendapat fahaman tersebut datangnya dari fahaman falsafah dan agama Samaniah sebelum kedatangan Islam. Di dalam masyarakat Islam ada dua golongan yang menganut fahaman ini iaitu: Golongan Qadariah dan golongan Syiah pelampau<sup>33</sup> iaitu; Al Bayaniah, al-Jinahiah, al-Harbiah dan lain-lain.

#### d. **Al-Bada'**

*Bada'*, pada asalnya bererti: lahir atau timbul. Allah berfirman di dalam surah A-Zumar ayat 47:

... وَيَدْلِمُهُمْ مِنْ أَلْوَانِ الْمَلَائِكَةِ كُلُّ نَوْبَاتٍ حَسِيبُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan jelaslah bagi mereka azab dari Allah yang belum pernah mereka perkira"

dan firmanNya lagi di dalam surah yang sama ayat 48:

<sup>30</sup>Syarh 'Aqaid al-Saduq, hal. 38.

<sup>31</sup>Ibn Hazm, *Al-Fasu fi al-Milal Wa al-Nihal Wa al-'Ahwa'*, juz. 4, hal. 198.

<sup>32</sup>Syahrastani, *Al-Milal Wa al-Nihal*, juz. 1, hal. 12.

<sup>33</sup>op.cit., 228.

وَيَدَاهُمْ سَبَقَتْ مَا كَسَبُوا ... ﴿١﴾

*“Dan jelaslah bagi mereka akibat buruk dari apa yang mereka telah lakukan.”*

dan firmanNya lagi di dalam surah al-Ra‘du:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا دَشَأَ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ رَأْمَ الْكِتَابِ ﴿٢﴾

*“Allah menghapuskan apa yang dia kehendaki dan menetapkan apa yang dia kehendaki dan di sisinyaalah terdapat Umul-Kitab. (Luh Mahfuz).”*

Dari ayat-ayat tersebut di atas, golongan *Ghuluw* membuat kesimpulan bahawa konsep *Bada'* merupakan konsep yang dibenarkan oleh Islam. Mereka berpendapat: berubahnya Iradah dan bertukarnya Azam mengikut pertukaran ilmu.<sup>34</sup>

Golongan *Ghuluw* berpendapat: “Harus berlaku *Bada'* kepada Allah (s.w.t).

*Bada'* yang mereka pegang ada tiga macam:

1. *Bada'* dalam ilmu, iaitu mereka berkata: telah lahir atau ternyata kepada Allah berlainan dengan apa yang telah dia tahu sebelum ini.
2. *Bada'* dalam Iradah: iaitu telah jelas kepada Allah apa yang dikehendakinya sebelum ini berlainan dengan apa yang telah dia putuskan.
3. *Bada'* dalam perintah: iaitu Allah telah memerintahkan dengan sesuatu perkara, kemudian Dia (Allah) menyuruh selepas itu dengan perkara yang lain dari perintah dan suruhanNya sebelum ini.

Pengertian *Bada'* di atas semuanya bertujuan memusnahkan konsep tauhid Islam iaitu dengan cara menimbulkan keraguan dengan Iradah, qudrat dan ilmu Allah (s.w.t), di mana konsep tersebut memperlihatkan kepada kita bahawa ilmu Allah, perintah dan keputusanNya sentiasa berubah-ubah dengan sebab baru diketahui keadaan yang sebenarnya. Fahaman seperti ini sebenarnya memperkecilkan kedudukan allah (s.w.t) dan menyamakanNya dengan makhluk.

Konsep *bada'* anutan golongan *Ghuluw* ini dikatakan telah berlaku kepada semua perbuatan Allah, di mana Allah telah membuat keputusan untuk sesuatu perkara, kemudian telah mengubah keputusan tersebut kerana dia telah mengetahui perkara sebaliknya. Sebahagian umat Islam menolak *bada'* yang

<sup>34</sup>Abdullah Salem Samara'ai, *Al-Ghuluw Wa al-Firaq al-Ghaliah*, hal. 134.

perbuatan tersebut sebagai Jihad dan orang-orang yang tidak sealiran dengan mereka atau menentang mereka adalah orang-orang kafir.<sup>41</sup>

### **Matlamat Golongan Ghuluw**

Secara umum, matlamat dan tujuan utama golongan Ghuluw dapat dirumuskan sebagai berikut:

#### **1. Meruntuhkan Islam**

Di dalam memperkatakan pemikiran dan fahaman yang dibawa oleh golongan *Ghuluw*, dapat kita lihat betapa fahaman Hulul, Tasbih, Tanasuk, Bada' dan bahayanya di dalam 'Aqidah Islam, dan bagaimana mereka menggunakan pemikiran tersebut untuk meruntuhkan Islam dengan memberi sasaran utama kepada Uluhiah, Nubuwwah dan beriman dengan hari Akhirat.

Suasana ini dapat kita lihat dengan jelas kepada kenyataan dari berbagai kumpulan *Ghuluw* sebagaimana dicatat oleh 'Ulama' Islam di zaman silam. Yazid bin Unaishah dari golongan khawarij telah berkata: "Allah (s.w.t) telah mengutus Rasul dari orang 'Ajam (bukan Arab) dan akan menurunkan kitab dari langit yang sudah siap, dan meninggalkan syariat Nabi Muhammad dan akan menghidupkan syariat agama Saibah sebagaimana tersebut di dalam al-Qur'an."<sup>42</sup> Manakala golongan al-Ghurabiah dengan terang-terang melaknat Jibril (a.s) dan Nabi Muhammad s.a.w,<sup>43</sup> sebagaimana Abu Mansor al-Bajali mendakwa bahawa Rasul dan Risalah akan berterusan dan tidak akan terhenti.<sup>44</sup> Dan surat Ubaidullah bin al-Husain al-Qairanwain kepada Sulaiman Al-Hasan al-Janabbi menjelaskan lagi kedudukan ini di mana beliau berkata: "Aku wasiatkan kamu agar melahirkan keraguan orang ramai tentang al-Quran, Taurat, Zabur dan Injil dan mengajak mereka membatalkan semua syariat, menghapus fahaman Ma'ad, bangkit dari kubur, mengajak mereka menolak kepercayaan kepada Malaikat di langit dan percaya adanya jin di bumi.

Dengan itu mereka telah menghalalkan segala yang telah diharam di dalam Islam dan meninggalkan segala nilai akhlak murni dan mengajak masyarakat supaya hidup bebas tidak terikat dengan agama. Dengan itu Hamzah bin Amar

<sup>41</sup> Nawbakhti *siraq al-Syiah*, hal. 54, Abd al-Aziz al-Duri, *Al-Juzur al-Tarikhyyah Ilt-al-Syu'ubiyyah*, hal. 87-89, Qahtan Abd al-Rahman al-Duri, *Al-Din Wa al-Irhab*, Baghdad, Mansurat Munazamah al-Mu'tamar al-Islami al-Say'bi, hal. 17-18.

<sup>42</sup> Al-Baghdadi, *Al-Farq Bayn al-Firaq*, hal. 279.

<sup>43</sup> Ibid, hal. 251.

<sup>44</sup> Al-Syahrastani, *Al-Milal wa al-Nihal*, juz. 1, hal. 179.

telah mengahwini anak perempuannya sendiri dan menghalalkan semua apa yang diharamkan oleh Islam. Begitu juga dengan golongan Babikiah di mana mereka telah mengadakan perhimpunan di malam hari Raya mereka dengan minum arak dan bergaul bebas lelaki dan perempuan. Pada tengah malam pula mereka akan padamkan lampu dan setiap orang akan mendapat seorang perempuan. Perempuan itu halal walaupun ibu, saudara perempuan atau anak kandung sendiri.

### **b. Meruntuhkan Kerajaan/Pemerintah**

Khilafah merupakan tiang seri dan kekuatan umat Islam di dalam pemerintahan negara. Sepanjang sejarah umat Islam ada golongan-golongan yang telah memberontak semata-mata kerana ingin meruntuhkan pemerintahan Islam. Pemberontakan yang telah dilakukan oleh golongan Mansuriah, Muqni'iyah, Babik Khurami, al-Mazyar, Upsin dan sebagainya itu merupakan rentetan untuk meruntuhkan pemerintahan Islam. Golongan Ghuluw dan juga batiniah turut serta membantu musuh-musuh Islam di dalam memerangi umat Islam di seluruh dunia, semata-mata untuk mewujudkan kekecuaan dan huru hara di dalam masyarakat Islam.

### **Pandangan Dan Sikap Ulama Islam Terhadap Golongan Ghuluw**

Usaha-usaha dan perancangan yang telah dilakukan oleh golongan Ghuluw telah mendapat tentangan hebat dari para ulama Islam sejak dulu sampai sekarang. Antara ulama yang paling berani dan lantang di dalam memerangi golongan tersebut ialah Imam Ja'afar al-Sadiq, di mana beliau telah menghalang al-Mughirah bin Sa'ad, dari mendekatinya. Begitu jugalah pendapat Ibnu Babawieh al-Qummi telah memberi pendapatnya terhadap golongan tersebut. Beliau berkata: "Iktikad kami terhadap golongan Ghulah ialah mereka kufur dengan Allah, mereka lebih jahat dari orang Yahudi, Nasara dan Majusi". Pendapat yang serupa telah diberikan oleh Syikh al-Mufid.<sup>45</sup>

Sementara itu para ulama dari kalangan Ahli Sunnah seperti Abu Hanifah, Malik, Syafi'e Ahmad dan lain-lain telah menulis kitab-kitab untuk menyatakan sikap dan pandangan masing-masing berhubungan dengan golongan tersebut.

Para Mu'haddisin juga mengambil bahagian cergas di dalam menghalang usaha-usaha Pencipta hadith palsu seperti Imam Ahmad, Yahya bin Muien, Ibni Rahueih, Sufian al-Sauri, Hamad bin Nuiem, Bukhari, Muslim, Nasa'ie, Tarmuzi, Auzaie Ibnu Majah dan lain-lain lagi. Mu'tazilah juga merupakan golongan yang aktif di dalam menentang golongan tersebut.

---

<sup>45</sup>Qahtan 'Abd al-Rahman al-Huri, *Al-Harakat al-Haddamah fi al-Islam*, hal. 27.

Antara buku-buku yang telah ditulis untuk menentang golongan tersebut dan membongkar ‘Aqidah dan ajaran mereka ialah: Qasim bin Ibrahim di dalam bukunya Al-Rad’ ala al-Laien Ibnu al-Muqafa’, al-Darimi di dalam bukunya al-Rad ‘Ala al-Jahmiah, al-Khayat ‘ala Ibnu al-Ruwandi, al-Jahid ‘ala al-Zanadiqah, al-‘Asyari al-Qummi, Kitabul al-Maqalat Wa al-Firaq, Nubakhti kitab Firaqul al-Syiah, ‘Ali bin Ismail al-Asyari dalam kitab Maqalat al-Islamiyyin, al-Malati di dalam kitab Al-Tanbih Wa al-Rad ‘Ala ahli al-Ahwa’ Wal Bida’, Abdul Qahir al-Baghdadi, di dalam kitabnya Al-Farq Bain al-Firaq, al-Syahrastani di dalam al-Milal Wa al-Nihal, Ibnu Hazmi, di dalam kitabul al-fisal fi al-Milal Wal al-Ahwa’ Wa al-Nihal, Al-Mahdi li dinillah, di dalam al-Muniah Wal-Amal dan Ghazali di dalam Faisal al-Tafriqah dan Fadaieh al-Batiniah dan lain-lain.

Dengan itu dapat dirumuskan setiap pemikiran yang dibawa oleh setiap kumpulan yang mengajak kepada fahaman Ghuluw adalah fahaman yang bertentangan dengan Islam yang sebenar dan perlu diambil langkah-langkah segera supaya fahaman tersebut tidak tersebar di dalam masyarakat Islam. Kerana fahaman tersebut amat bahaya dan perlu diawasi dari tersebar di dalam masyarakat. Meski pun begitu *al-Ghuluw* berlaku di kalangan individu-individu atau mazhab-mazhab dalam Islam disebabkan perbezaan mereka memahami konsep tersebut menurut al-Qur'an dan Hadis Rasulullah s.a.w.

